

Kongsi ilmu, pengalaman dalam kewangan Islam

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) dengan kerjasama Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF) telah menganjurkan Ceramah Umum Perbankan dan Kewangan Islam baru-baru ini di Institute of Leadership, Innovation and Advancement (ILIA) Lecture Theatre, Kampus Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Ceramah Umum ini merupakan salah satu platform penting perkongsian ilmu, pengalaman, dan maklumat mutakhir mengenai perkembangan arena perbankan dan kewangan Islam semasa di peringkat antarabangsa daripada para pakar, ilmuwan dan pengamal yang berpengalaman luas dalam industri yang berkaitan.

Usaha kerjasama antara FEKIm UNISSA dan BILIF ini merupakan sebahagian daripada inisiatif

kedua-dua buah institusi untuk menghidupkan Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding – MoU) yang dimeterai di UNISSA pada 14 November 2022 yang lalu.

Ceramah Umum kali ini telah mengundang seorang pakar temama dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, iaitu Ketua Pegawai Rangkaian Kewangan Kumpulan, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Timbalan Presiden, Persatuan Penasihat Syariah Kewangan Islam, Malaysia, Mohd Nazri Chik, yang dikendalikan oleh Pemangku Penyelidik dan Ketua, Centre for Economics and Finance Research (CEFIR), BILIF, Awang Mohammad Ashri bin Sharbini, sebagai moderator.

Tajuk ceramah yang disampaikan ialah 'Peranan Perbankan dalam Kewangan Sosial', iaitu perkongsian tentang pengalaman Malaysia khususnya BIMB dalam membangunkan

kewangan sosial melalui pembiayaan mikro secara 'blended financing', Sadaqa House, MyWakaf, pembiayaan pembangunan tanah wakaf, saham amanah bercirikan wakaf dan sebagainya.

Inisiatif kewangan sosial sama ada yang berasaskan instrumen tradisional seperti wakaf, zakat atau sadaqa semata-mata atau yang diintegrasikan kepada sistem kewangan Islam arus perdana akan dapat membantu pencapaian Maqasid al-Syariah dalam pengurusan ekonomi yang mapan dan berdaya saing bercalakkan Islam.

Selain itu, satu sesi perkongsian mengenai program-program kewangan Islam Signature BILIF iaitu Leadership for Islamic Finance and Economics (LIFE) dan Fiqh Mu'amalat Professional Programme (FMPP) juga mengambil tempat pada petang Khamis tersebut yang disampaikan oleh Pegawai, Learning and Programme Development (LPD), BILIF, Muhammad Habibullah bin



DEKAN FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani menyampaikan cenderahati kepada salah seorang penceramah.

Haji Adanan.

Dianggarkan seramai 100 peserta telah menghadiri Ceramah Umum tersebut yang terdiri daripada para pelajar Tahun 3 dan 4 serta tenaga akademik FEKIm UNISSA, pegawai-pegawai dari BILIF, peserta jemputan yang terdiri daripada tenaga akademik UBD, pegawai-pegawai dari Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Tabung Amanah Islam

Brunei (TAIB), dan Bank Usahawan.

Turut hadir, Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, dan Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Hajah Sufinah binti Haji Sahat.

Siri Ceramah Umum Perbankan dan Kewangan Islam telah diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada Encik Mohd Nazri Chik, Penceramah Undangan oleh Dekan FEKIm UNISSA.